

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika pihak Kementerian merancang untuk memasukkan maklumat keberhutangan individu dengan institusi selain Bank (seperti Courts, Aeon Credit Services, Koperasi, MBSM dan lain-lain) ke dalam penyata Central Credit Reference Information System (CCRIS) untuk memudahkan pihak pemberi pinjaman menentukan dengan tepat kadar keberhutangan pemohon pinjaman tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan institusi bukan bank di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) adalah secara sukarela dan tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan yang sama seperti yang dikenakan ke atas bank. Setakat ini, terdapat beberapa institusi bukan bank yang telah menyertai CCRIS, termasuk Malaysia Building Society Berhad (MBSB), AEON Credit Service, TC Capital Resources dan Toyota Capital Malaysia.

Selain daripada CCRIS, institusi-institusi bukan bank juga boleh menyertai agensi pelaporan kredit swasta yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

Maklumat kredit di dalam pangkalan data CCRIS dan agensi pelaporan kredit merupakan salah satu daripada input dalam proses membuat keputusan pinjaman oleh institusi perbankan. Penyertaan institusi-institusi bukan bank di dalam CCRIS dan agensi pelaporan kredit membolehkan pemberi pinjaman membuat penilaian kepercayaan kredit yang lebih menyeluruh ke atas peminjam.